

NORAI SYAH menunjukkan bubu naga yang dirangka di beberapa kawasan di perairan Kuala Selangor dan Sabak Bernam.



# BUBU NAGA 'MASUK' SELANGOR

*Nelayan tak gentar guna peralatan haram dapat hasil lumayan, mudah dibeli dalam talian dengan harga murah*

Metro Ahad 12/2/2023 Ms: 10

Oleh Amirul Aiman  
Hamsuddin  
am@hmetro.com.my

**Kuala Selangor**

**M**udah didapati terutama menerusi platform e-dagang antara punca penggunaan bubu naga di Selangor semakin berleluasa dan dikesan 'merekab' ke sepanjang perairan negeri ini, terutama daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Walaupun pelbagai operasi dijalankan, namun segeintir pemilik peralatan haram itu seakan-akan tidak gentar dan menggunakan pelbagai helah seperti menyembunyikannya di dalam atau sebalik timbunan tong ais, menutup dengan kanvas atau zink serta menutup premis.

Malah, ada juga yang me-

nyorokkan bubu naga dalam rumah semata-mata untuk mengaburi mata pihak berkuasa.

Bagaimanapun, semua taktik itu dipatahkan Jabatan Perikanan Selangor menerusi Operasi Khas Bubu Naga yang dijalankan selama dua hari bermula kelmarin.

Pengarahnya, Noraisyah Abu Bakar, berkata, pihaknya menyasarkan jeti nelayan di dua daerah itu selepas menjalankan risikan serta menerima aduan daripada orang awam.

Menurutnya, pihak Jabatan Perikanan Selangor merampas 1,435 bubu naga bernilai RM81,400 di sekitar kawasan jeti Bagan Tengkorak, di sini, jeti Sekinchan dan jeti Sungai Besar di Sabak Bernam hasil operasi itu.

Katanya, operasi membatik 10 anggota penguat kuasa perikanan itu menyaa-

sarkan jeti nelayan di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang didapati memasang bubu naga pada kedudukan antara satu sehingga empat batu nautika dari kawasan pantai.

"Sebelum ini, nelayan menandakan bubu naga mereka menggunakan pelampung, tetapi kini mereka menenggelamkannya ke dalam laut dan menggunakan Sistem Penentuan Lokasi Sejagat (GPS) untuk menjejak lokasi bubu mereka selain ada yang menggajikan warga asing untuk melakukan kegiatan itu," katanya semalam.

Katanya penggunaan bubu haram itu semakin meluas berikutan kos peralatan membeli unit bubu naga murah dan mudah didapati terutama menerusi platform e-dagang dengan pilihan pelbagai saiz selain

mampu mendapatkan hasil lumayan.

Sementara itu, dalam operasi itu juga Noraisyah berkata, enam premis yang menjual bubu naga diberi amaran keras oleh Jabatan Perikanan Selangor.

Katanya penggunaan bubu naga berpotensi memusnahkan benih, anak ikan serta sumber perikanan lain sekali gus menjejaskan keterjaminan makanan negara pada masa akan datang jika tidak dibanteras.

"Bubu naga adalah peralatan tidak dilesenkan dan tidak dibenarkan Jabatan Perikanan kerana ia mempunyai lebih dua injap," katanya menambah penggunaannya boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 11 (3)(c) Akta Perikanan 1985 iaitu denda tidak lebih RM20,000 dan digantung lesen, jika sabit kesalahan.